

DATE	26 / 5 / 2013	SECTION	National
PAGE	9	COLUMN	semasa

Jamil: M'sia sedia bantu negara berminat contohi pengurusan TH

GURUN: Malaysia bersedia memberi kerjasama kepada mana-mana negara yang berminat menjadikan sistem pengurusan haji oleh Lembaga Tabung Haji (TH) sebagai model pengurusan jemaah haji mereka.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata sistem pengurusan haji holistik yang diguna pakai TH menarik minat banyak negara untuk mencontohinya.

"Sabon tahun Raja Arab Saudi, semasa ucapan Hari Raya, pertemuan dengan delegasi dan Menteri Haji serta pertemuan dengan pemimpin-pemimpin

negara OIC (Pertubuhan Kerjasama Islam), baginda selalu memuji pengurusan TH.

"Apabila kerajaan Kazakhstan kata berminat menjadikan Malaysia contoh, ia tidak pelik kerana setiap bulan ada negara asing berkunjung ke Malaysia untuk melihat model pengurusan TH," katanya kepada pemberita pada majlis jamuan kesyukuran anjuran Pusat Daerah Mengundi (PDM) Batu Tiga, dekat sini, kelmarin.

Katanya, selain Kazakhstan, Bosnia, Afrika, Amerika Syarikat dan United Kingdom menunjukkan minat untuk di-

adakan kerjasama antara TH dengan agensi-agensi pelancongan negara mereka yang menguruskan jemaah haji. "Di Malaysia, terdapat akta pengurusan haji dan TH dan ini membezakan Malaysia dengan negara lain.

"Semua negara di dunia mengenakan tambang menunaikan haji di Tanah Suci yang tinggi tetapi kita memberi subsidi. Jemaah hanya membayar RM9,980 termasuk penginapan dan pengangkutan selama 40 hari di Makkah. Ini mungkin antara sebab negara lain ingin menjadikan Malaysia contoh," kata Jamil Khir. -Bernama